

30/09/2003

Pusat diminta pantau projek jalan terbengkalai

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil mahu Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya campur tangan untuk memastikan projek pembinaan jalan dari Klang ke Kuala Selangor yang terbengkalai disiapkan segera untuk kemudahan dan keselamatan pengguna.

Beliau melahirkan rasa dukacita kerana projek sepanjang kira-kira 60 kilometer yang sepatutnya siap hujung tahun ini kelihatan seperti terbengkalai dan tidak akan siap sebagaimana dijadualkan.

Katanya, projek membaik pulih dan membina jalan dari Klang ke Kuala Selangor itu keadaannya seperti tidak akan disiapkan dalam tempoh terdekat kerana kebanyakan lubang yang dikorek sudah mula ditumbuhi rumput.

Berikutan itu, Abdul Rahman meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah itu.

Ini kerana, katanya, projek pembinaan semula jalan dari Klang ke Kuala Selangor hingga ke Sabak Bernam di bawah Kerajaan Persekutuan itu diserahkan kepada anak syarikat Tabung Haji.

Beliau berkata, keadaan jalan yang tidak sempurna menyebabkan kemalangan sering berlaku, malah sejak projek itu bermula lebih 30 kes kemalangan nyawa dilaporkan.

"Oleh itu, kita meminta Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan segera memastikan projek ini disiapkan secepat mungkin bagi mengelak kemalangan terus berlaku termasuk yang membabitkan kematian disebabkan jalan yang teruk dan banyak lubang," katanya kepada pemberita selepas program Hari Keluarga Majlis Belia Selangor (MBS) di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor di Seksyen 7, di sini, kelmarin.

Abdul Rahman berkata, kontraktor yang diberi tanggungjawab melaksanakan projek itu juga tidak mengambil inisiatif untuk memasang papan tanda keselamatan di sepanjang laluan untuk panduan pemandu.

"Sepatutnya dengan keadaan jalan yang tidak siap termasuk sudah dikorek di sana sini, mereka (kontraktor) perlu meletakkan tanda-tanda keselamatan yang cukup sebagai panduan kepada pemandu terutama penunggang motosikal yang sering menjadi mangsa kenderaan besar," katanya.

Abdul Rahman yang juga Pengerusi MBS, berkata laluan Klang-Kuala Selangor adalah jalan nadi kerana sering menjadi laluan mereka yang mahu balik ke kampung menjelang perayaan.

"Memandangkan musim perayaan dan cuti sekolah semakin hampir saya percaya semakin banyak kenderaan akan melalui jalan ini dan kita tidak mahu peristiwa kemalangan maut yang membabitkan lapan sekeluarga seperti tahun lalu berulang," katanya.

Katanya, masalah jalan raya yang tidak siap itu sering ditimbulkan setiap kali beliau mengadakan dialog bersama penduduk di kawasanya atau apabila bertemu mereka secara tidak rasmi.

"Saya harap rungutan ini mendapat perhatian pihak berkenaan. Projek ini perlu disiapkan segera agar masalah ini tidak terus menghantui penduduk sekitar dan pengguna jalan raya," katanya.